

**DI BALIK PINTU KEBAL REPOSITORY JABATAN MUZIUM MALAYSIA:  
KILAU KEMILAU KOLEKSI ARTIFAK PERKAHWINAN MASYARAKAT MELAYU**

**Mohd Jamil bin Haron**  
Bahagian Komunikasi Korporat  
Jabatan Muzium Malaysia  
Emel: [jamil.haron@jmm.gov.my](mailto:jamil.haron@jmm.gov.my)

**Abstrak**

Perkahwinan merupakan ikatan paling agung dan suci yang terjalin antara lelaki dan wanita melalui lafaz nikah yang sah untuk bergelar suami dan isteri. Bagi merasmikan ikatan perkahwinan sudah tentunya akan diadakan majlis meraikan pasangan pengantin secara gilang gemilang. Tambah menarik bila adanya pelbagai koleksi perkahwinan yang akan dipertontonkan kepada tetamu. Kajian ini dijalankan bagi menjelaskan mengenai wujudnya kepelbagaian koleksi perkahwinan Melayu yang tersimpan rapi di repositori JMM. Kaedah kajian yang digunakan adalah penyelidikan perpustakaan dan kajian lapangan iaitu melawat repositori serta temubual bersama dua (2) orang pakar tekstil dan perkahwinan melayu. Hasil kajian mendapati koleksi perkahwinan Melayu boleh diklasifikasi kepada tiga (3) iaitu pelaminan dan hantaran, kamar pengantin serta pakaian dan aksesori. Oleh itu kajian ini diharapkan dapat membantu memberikan lebih kefahaman mengenai koleksi perkahwinan Melayu yang tersimpan di balik pintu kebal JMM.

## **KUBUR LAMA TANJUNG KERAMAT, LABUAN : PENGARUH DAN SIMBOL PADA BATU NISAN**

**Muhammad Nazli Ho bin Abdullah**

Muzium Labuan

Jabatan Muzium Malaysia

Emel: nazli@jmm.gov.my

### **Abstrak**

Kubur dan perkuburan lama masyarakat Melayu lazimnya mempunyai simbol atau tanda atau corak pada batu nisan yang kadang kalanya sukar difahami maksudnya oleh masyarakat moden. Bagi masyarakat Melayu Kadayan di Labuan, tanda yang diukir pada nisan kubur di perkuburan lama Tanjung Keramat adalah tersendiri dan dipercayai berkait rapat dengan sesetengah amalan serta kepercayaan komuniti ini pada zaman dahulu walaupun agama Islam telah lama menjadi anutan mereka sejajar dengan pengaruh kuat pemerintah seperti Kesultanan Brunei, dalam sejarah Borneo. Simbol bintang berbucu lima dan berbucu enam selain simbol bulan sabit menjadi pilihan kepada masyarakat untuk diukirkan pada batu nisan kubur ahli keluarga dan waris mereka dan mempunyai pengaruh terhadap kepercayaan masyarakat. Penggunaan batu sungai dan batu laut bersaiz besar untuk dijadikan nisan serta struktur kubur agak mengagumkan bagi sebuah perkuburan lama di sebuah pulau yang kecil seperti Labuan kerana dalam perspektif masyarakat Nusantara, lazimnya hanya kubur golongan pembesar sahaja yang ditonjolkan menerusi kemegahan pada struktur kubur sesuai dengan status pemilik kubur semasa hayatnya. Sehingga hari ini, masyarakat Melayu Kadayan yang berlatar belakang dan bersusurgalurkan negara Brunei Darussalam khususnya keluarga dan waris si mati yang dimakamkan di perkuburan lama ini tetap menganggap simbol-simbol pada kubur tersebut adalah sensitif dan tidak boleh diperkatakan secara terbuka.